Sesiapa yang mereka-reka sesuatu perkara baharu dalam urusan (agama) kami ini yang bukan daripadanya, maka perkara itu tertolak

Daripada Ummul Mukminin, Ummu Abdullah, Aisyah رضي الله عنها, beliau berkata: Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda: "Sesiapa yang mereka-reka sesuatu perkara baharu dalam urusan (agama) kami ini yang bukan daripadanya, maka perkara itu tertolak." Dalam riwayat Muslim: “Sesiapa melakukan suatu amalan yang tiada perintah daripada kami ke atasnya, maka amalan itu tertolak.’”

[صحيح] [رواه البخاري ومسلم]

Nabi ﷺ menerangkan bahawa sesiapa yang mencipta dalam agama atau melakukan suatu amalan yang tiada dalil daripada al-Quran dan Sunnah, maka amalan itu ditolak dan tidak diterima di sisi Allah.

http://www.sunnah.global/hadeeth/ms/show/66514